

Search Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 24 December 1968 &gt; Page 2 &gt; 6 MINGGU KURSUS DERAMA DI-VARSITI SINGAPURA

## 6 MINGGU KURSUS DERAMA DI-VARSITI SINGAPURA

Berita Harian, 24 December 1968, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL5704

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# 6 MINGGU KURSUS DERAMA DI-VARSITI SINGAPURA

SINGAPURA, Isnin. -- Untuk kali pertamanya dua orang tokoh derama di-sini—pentas dan TV — akan memberi kursus derama sa-lama enam minggu di-Universiti Singapura.

Tokoh2 itu ia-lah Enche Zain Mahmood, penerbit kanan ranchangan2 TV Singapura, dan Enche Bani Buang, pengarah pentas dan ranchangan2 derama di-TV yang tidak asing lagi. Kedua2nya akan memberikan kursus mengenai berbagai perkara mengenai derama di-TV dan pentas. Ia di-anjorkan ole Jambatan Pengajian Extra-mural

Kursus itu akan diadakan pada tiap2 hari Juma'at dari jam 7.30 malam — 9.00 malam di-bilek kuliah baharu 4, Universiti Singapura, mulai 24 Januari depan.

Di-sampaikan dalam Bahasa Melayu, kursus ini terbuka kapada sa-siapa sahaja yang ingin menyertaiinya dengan bayaran \$5.00 untuk enam kuliah.

### Information ▲



Newspaper:

Berita Harian

Date:

24 December 1968

Reel Number:

NL5704

Share

### Table of Contents ▲

&lt; Previous | Page 2 | Next &gt;

#### Bayaran mula rumah2 murah Mara di-kurangkan

Bayaran mula rumah2 murah Mara di-kurangkan IPOH, Isnin. "DAYARAN2 pendahuluan bagi rumah2 murah D

#### Nyanyian Malam Krismas di-Press Ball

Nyanyian Malam Krismas di-Press Ball OULAU PINANG, Isnin. Lebih 1,000 orang yang menghadiri Press Ball

#### 12 chedera pada Hari Raya ke-2

12 chedera pada Hari Raya ke-2 SINGAPURA, Isnin.— Dua belas orang mendapat chedera parah dalam 65

[View Full Table of Contents >](#)

## *Bahasa Melayu*

Perkara2 yang akan dilakukannya sa-panjang kursus itu ia-lah: pengolahan cherita dan tema, kata bual dan bahasa bual, perbedaan tema derama TV, pentas, radio dan filem, arahan dan lakonan, derama dan pendidekan dan lain2-nya.

Enche Zain Mahmud menerangkan, sa-lain dari kullah2 chara ilmiah dan teori yang akan di-sampaikan kapada peserta2-nya, demonstrasi-nya juga akan di-adakan dari masa krama.

Tayangan2 derama tall-vishen yang berbagai chorak akan juga di-pertontonkan kapada peserta2-nya dari masa ka-masa sa-bagai tambahan dan penerangan2 lanjut dari mata-pelajaran yang akan di-kursuskan itu. ujar-nya lagi.

Di-tegaskan-nya lagi bahawa ini-lah pertama kali kursus derama seperti itu di-adakan sa-chara besar3an oleh pehak tersebut.



### Related Articles

No related article found.

